



Mahasiswa bergambar bersama jemputan selepas menerima sijil penghargaan masing-masing.



Para peserta ceria dapat menimba pengalaman dalam persidangan Dun.

Berbual dengan tetamu kehormat bagi mendapatkan maklumat lebih jelas mengenai persidangan Dun.



Penerima Anugerah Pembahas Terbaik Persidangan Dun Mahasiswa Pakat UPM, Ahmad Farid Abdillah (kiri) bersama Timbalan Pengarah program, Anies Zulaikha Md Rahim.



Tingkat peranan pemimpin muda

32 penuntut sertai persidangan Dun Mahasiswa

RAHAYU MUSTAFA

KUALA TERENGGANU - Seramai 32 orang mahasiswa Terengganu daripada hampir seluruh universiti awam di Malaysia telah mengambil bahagian dalam Persidangan Dun Mahasiswa yang telah dianjurkan oleh Persatuan Kebajikan Mahasiswa Anak Terengganu (Pakat) Universiti Putra Malaysia (UPM).

Pengarah program yang juga merupakan Yang DiPertua Pakat UPM, Ahmad Zakwan Zakaria berkata, 32 orang mahasiswa ini telah mewakili 32 Dun yang ada di Terengganu dalam persidangan kali ini.

Program julung kali diadakan oleh Pakat UPM ini telah berjaya membawa mahasiswa Persatuan Mahasiswa Terengganu (Permata) ini selangkah ke hadapan dengan membincangkan peranan mereka selaku pemimpin muda dalam menangani masalah dan isu yang berkait dengan mahasiswa pada masa kini.

"Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada golongan mahasiswa tentang dunia politik dan kepimpinan sebenar selain mengasah kemahiran insaniah dalam diri mereka sebagai seorang pemimpin selari visi Transformasi Nasional 2050.

"Adalah amat penting untuk mahasiswa di negara kita diberi pendedahan seperti ini supaya kita lebih bersedia dan yakin untuk menghadapi cabaran mendatang memandangkan generasi mudalah yang akan menggalas tugas dan tanggungjawab sebagai pemimpin masa hadapan.

"Saya tidak mahu dek kerana generasi muda kita yang lemah dan takut bangkit untuk berjuang, anak cucu kita nanti menangis air mata ketakutan dan penderitaan," katanya.

Platform lontar idea

Program yang mendapat kerjasama daripada Yayasan Terengganu (YT) ini berkonsepkan intelektual dengan membuka peluang kepada mahasiswa-mahasiswa Terengganu untuk melontarkan buah idea dan permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh generasi muda terutamanya golongan mahasiswa pada masa ini dalam membantu mengurangkan beban yang dihadapi oleh mereka.

Antara tetamu yang turut hadir dalam persidangan ini ialah Penolong Pengarah (Tajaan dan Tranformasi Mahasiswa) YT, Zaki Mat Yakim dan Ketua Seksyen, Penolong Pendaftar Kanan, Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEPA) UPM,

Mohamed Syukri Mohamed Nor.

Program ini juga dihadiri seramai 40 orang mahasiswa daripada Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZa) serta pelajar-pelajar tingkatan enam dari beberapa buah sekolah yang terlibat antaranya Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sultan Sulaiman, Sekolah Menengah Agama Atas Sultan Zainal Abidin, SMK Belara dan SMK Sultan Ahmad sebagai pemerhati sidang Dun.

Pakat yang bernaung di bawah YT adalah antara persatuan yang aktif di UPM dan sentiasa mengutamakan kebajikan mahasiswa termasuklah penyediaan platform untuk mereka menyampaikan segala informasi penting daripada kerajaan negeri.

Dalam program itu, Ahmad Farid bin Abdillah yang mewakili Dun Ajil dinobatkan sebagai penerima anugerah pembahas terbaik Persidangan Dun Pakat UPM.

Ahmad Farid ketika ditemui berkata, program ini merupakan satu alternatif untuk golongan mahasiswa menyuarakan dan menyalurkan pandangan dan pendapat mereka.

Beliau tidak mahu peristiwa pemberontakan daripada mahasiswa yang pernah terjadi di negara kita suatu ketika dahulu berulang kembali.